



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK TAHUN 2023

*REPORT OF THE
POPULATION ESTIMATES 2023*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

ANGGARAN PENDUDUK TAHUN 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

Anggaran Penduduk menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan 1.1 peratus bagi tahun 2023

1. Laporan Anggaran Penduduk Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023 mencatatkan jumlah penduduk seramai 450,500 orang berbanding 445,400 orang pada tahun 2022. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.1 peratus sama seperti tahun 2022.

2. Pengiraan Anggaran Penduduk adalah berasaskan pelbagai proses bermula dengan data Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 dan perangkaan vital seperti data kelahiran dan kematian bagi kenaikan semulajadi (*natural increase*); dan sementara data migrasi adalah untuk pengiraan penghijrahan penduduk. Sumber data bagi anggaran ini adalah daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

3. Menurut Laporan Anggaran Penduduk, jumlah penduduk pada tahun 2023 terdiri daripada 237,700 orang lelaki (52.8 peratus) dan 212,800 orang perempuan (47.2 peratus). Nisbah jantina ialah 111.7 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

4. Rakyat Brunei menyumbang bahagian terbesar sebanyak 76.0 peratus (342,300 orang), manakala bahagian Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara masing-masing adalah 5.8 peratus (26,000 orang) dan 18.2 peratus (82,200 orang).

5. Daerah Brunei Muara mempunyai bilangan penduduk tertinggi iaitu 326,000 orang (72.4 peratus) daripada jumlah penduduk, diikuti Daerah Belait dengan 66,900 orang (14.8 peratus), Daerah Tutong dengan 48,000 orang (10.7 peratus), dan Daerah Temburong dengan 9,600 orang (2.1 peratus).
6. Dari perspektif taburan umur, kira-kira 20.2 peratus (91,200 orang) daripada jumlah penduduk berumur di bawah 15 tahun, 72.8 peratus (328,000 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 6.9 peratus (31,300 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2023 adalah 32.5 tahun berbanding 32.0 tahun pada tahun 2022.
7. Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 73.8 peratus (332,100 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi 9.6 peratus (43,400 orang) dan 16.6 peratus (75,000 orang) daripada jumlah penduduk.
8. Laporan Anggaran Penduduk 2023 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES melalui:

Telefon : 2230233 (waktu pejabat)
E-mel : info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang : deps.mofe.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

POPULATION ESTIMATE 2023 REPORT
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

Population Estimates Indicated a 1.1 per cent growth rate in 2023

1. *The Population Estimate Report of Brunei Darussalam for 2023 registered a population of 450,500 persons, compared to 445,400 persons in 2022. This represented an annual growth rate of 1.1 per cent, similar to that of 2022.*
2. *The Population Estimates are derived from a multi-faceted process that begins with Population and Housing Census (BPP) 2021 data as a baseline and utilizing Vital Statistics such as births and deaths, demographers calculate natural increases, while migration data accounts for population movements. Data source for the estimate are from the Immigration and National Registration Department, Ministry of Home Affairs.*
3. *According to the Population Estimate Report, the total population in 2023 consisted of 237,700 males (52.8 per cent) and 212,800 females (47.2 per cent). The sex ratio was 111.7 males for every 100 females.*
4. *Brunei Citizens accounted for the largest share of 76.0 per cent (342,300 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 5.8 per cent (26,000 persons) and 18.2 per cent (82,200 persons) respectively.*
5. *The Brunei Muara District had the highest population of 326,000 persons (72.4 per cent) of the total population, followed by the Belait District with 66,900 persons (14.8 per cent), the Tutong District with 48,000 persons (10.7 per cent), and the Temburong District with 9,600 persons (2.1 per cent).*

6. *From the perspective of age distribution, about 20.2 per cent (91,200 persons) of the total population were below 15 years of age, 72.8 per cent (328,000 persons) were in the working age group of 15-64 years, and 6.9 per cent (31,300 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2023 was 32.5 years compared to 32.0 years in 2022.*
7. *The Malays formed the largest community in the country, comprising 73.8 per cent (332,100 persons) of the total population. The racial groups of Chinese and others accounted for 9.6 per cent (43,400 persons) and 16.6 per cent (75,000 persons) of the total population, respectively.*
8. *The Report of the Population Estimates 2023 is available on JPES's website. For any enquiries regarding this matter, please contact JPES through:*

| | | |
|------------------|---|------------------------------------|
| <i>Telephone</i> | : | <i>2230233 (working hours)</i> |
| <i>E-mail</i> | : | <i>info.statistics@jpes.gov.bn</i> |
| <i>Website</i> | : | <i>deps.mofe.gov.bn</i> |